

23 NOV 1997

PRESIDEN CLINTON TEMUI PEMIMPIN ASEAN KETIKA SARAPAN

VANCOUVER, 23 Nov (Bernama) -- Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton dijadualkan menemui para pemimpin negara Asean, termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed ketika bersarapan Isnin ini di sini.

Para pemimpin Asean dan Clinton adalah di antara 18 pemimpin negara anggota Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) yang tiba di bandaraya ini yang terletak di bahagian pantai Pasifik Kanada untuk menghadiri Persidangan Kemuncak pemimpin-pemimpin Apec selama dua hari mulai Selasa ini.

Penolong setiausaha negara untuk Asia Timur Amerika Syarikat, Stanley Roth memberitahu sidang berita hari ini bahawa pertemuan itu akan mencerminkan keprihatinan Amerika terhadap masalah pasaran kewangan dan saham yang sedang dihadapi negara-negara Asean.

Beliau berkata Clinton akan mengambil kesempatan daripada persidangan kemuncak Vancouver itu untuk berbincang mengenai perkara itu.

Roth juga berkata bahawa Amerika akan melahirkan sokongannya terhadap usaha-usaha yang diambil oleh negara-negara Asean untuk mengatasi masalah itu.

Pertemuan singkat itu, kata beliau, juga penting kerana Asean adalah rakan perdagangan keempat terbesar Amerika dan sebarang masalah yang menjejaskan rantau itu akan turut menjejaskan ekonominya.

Beliau berkata Asean adalah rantau ekonomi strategik bagi Amerika dan ia percaya Asean memainkan peranan penting di dalam Apec. -- BERNAMA

MFJ MZ AKD